

Perubahan batu dinding berkaitan dengan permineralan emas di Bukit Koman, Raub

(Wall-rock alteration related to the gold mineralization at Bukit Koman, Raub)

WAN FUAD HASSAN¹, TAN TEONG HING¹, HAMZAH MOHAMAD¹, SYED SHEIKH ALMASHOOR¹,
SUHAIMI HAMZAH² & KHALIK HJ WOOD²

¹Jabatan Geologi, Universiti Kebangsaan Malaysia

²Malaysian Institute of Nuclear Technology

Lombong emas di Bukit Koman, Raub, yang pernah dikenali sebagai Raub Australian Gold Mine, dan baru-baru ini sebagai Kim Chuan Gold Mine, ialah sebuah lombong emas penting di Jalur Emas Semenanjung

Warta Geologi, Vol. 21, No. 3, May–Jun 1995

Malaysia. Suatu travers timur-barat pada sebahagian jasad bijih di situ telah dilakukan untuk melihat perlakuan geokimia batuan pada jasad bijih. Batuan telah dianalisis secara sinar-X untuk unsur-unsur major dan dengan NAA untuk emas. Didapati beberapa unsur major menunjukkan korelasi yang baik dengan silika. Analisis yang sama dilakukan terhadap beberapa batuan sedimen di tempat-tempat lain tetapi kali ini korelasinya buruk. Kesimpulan daripada kerja ini menunjukkan bahawa batuan sedimen di Bukit Koman telah diresapi larutan permineralan dengan skala agak meluas dan menyebabkan perubahan batuan dinding yang tidak dilihat dengan mata kasar.
